

07/11/2000

(Bekas Ratu Cantik Malaysia/Dunia ... )

Zul Husni Abdul Hamid

BEKAS Ratu Cantik Malaysia/Dunia 1998, Lina Teoh sedang mengusik empat gadis supaya beraksi seperti kumpulan penyanyi pop terkenal, Spice Girls sempena Lucky Strike Racing Formula One Event yang diadakan di Starhill, Bukit Bintang, baru-baru ini.

Dia muncul selama dua malam berturut-turut sebagai pengacara program promosi yang menawarkan pelbagai hadiah menarik untuk direbut peminat sukan F1.

Pengunjung turut dihiburkan dengan persembahan klip video terbaru artis popular antarabangsa seperti Kylie Minogue, Spice Girls dan Toni Braxton. Menariknya, promosi itu turut diserikan dengan pameran kereta lumba yang dikromkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed bersama keluarganya juga tidak melepaskan peluang untuk bersama orang ramai menjayakan promosi sukan berprestij itu.

Pengunjung juga berpeluang merasai kehebatan serta keseronokan perlumbaan F1 apabila sebuah terowong angin serta video dinding setinggi 18 kaki dibina khusus untuk peminat menikmati pengalaman berharga itu.

(END)